

19 JAN 2001

Mahathir-Pelajar

DASAR PANDANG KE TIMUR MASIH RELEVAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, Jepun, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkannya pada awal tahun 1980an masih lagi relevan walaupun Jepun kini menghadapi masalah ekonomi yang berterusan.

Katanya, beliau masih menganggap Jepun sebagai sebuah model yang perlu dicontohi oleh Malaysia, terutamanya kebolehan mereka dalam bidang berteknologi tinggi dan budaya kerja mereka yang berdisiplin dan tekun.

"Jepun mampu bangkit daripada kehancuran selepas Perang Dunia Kedua untuk menjadi gergasi ekonomi. Masalah yang dihadapinya hari ini kerana ia terlalu mahu mengikut cara Barat dengan cepat," katanya ketika menjawab satu soalan pada dialog bersama kira-kira 100 pelajar Malaysia yang menuntut di sini.

Dr Mahathir berkata, lawatannya ke Sharp Corporation awal hari ini menunjukkan betapa hebatnya teknologi Jepun yang dicipta oleh orang Jepun sendiri dan ini tidak terdapat di mana-mana tempat lain di dunia.

Beliau juga meminta para pelajar yang belajar di Jepun dan pulang bekerja dengan syarikat Jepun di Malaysia supaya mengambil inisiatif memulakan perniagaan atau industri kecil dan sederhana (IKS).

Perdana Menteri berkata, pengalaman dan ilmu yang diperolehi ketika bekerja dengan syarikat-syarikat Jepun boleh digunakan untuk memulakan perniagaan dan kerajaan akan membantu mereka.

"Kita akan cuba tolong dengan menarik IKS Jepun untuk membuat usahasama dengan syarikat-syarikat kita. Biarlah secara kecil-kecilan dulu kerana modalnya pun kecil," kata beliau.

Katanya, beliau pernah melawat industri-industri kecil di Tokyo untuk melihat bagaimana rakyat Malaysia terutamanya Bumiputera yang masih ketinggalan daripada segi perniagaan untuk turut menyertai industri seperti itu.

Pada dialog lebih dua jam itu, Dr Mahathir juga menjelaskan langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan tanggungjawab pelajar untuk membangunkan negara selepas tamat pengajian.

Mengenai kesan buruk terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI), Dr Mahathir berkata, FDI diperlukan untuk modal dan mewujudkan peluang pekerjaan tetapi beliau yakin syarikat-syarikat tempatan akan mampu mengeluarkan barangan yang setanding dengan syarikat luar di masa depan.

Katanya, kegawatan ekonomi tidak menjejaskan usaha Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020 kerana beliau yakin pertumbuhan pesat sebelum ini dan di masa akan datang mampu menjayakan Wawasan 2020.

Beliau juga bersetuju dengan saranan seorang pelajar agar rakyat Malaysia, terutamanya ahli-ahli perniagaan dan mereka yang terlibat dalam sektor perkhidmatan, mempelajari budaya orang Jepun yang menghormati semua pelanggan tanpa melihat status.

"Kita kena perkenalkan cara ini kerana orang Malaysia agak keras sedikit apabila berurusan dengan orang lain. Ambillah budaya yang baik seperti bekerja keras dan peramah," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai kurangnya buku ilmiah dalam Bahasa Melayu, beliau berkata ini berlaku kerana kekurangan tenaga penterjemah dan beliau meminta pelajar menekankan penguasaan Bahasa Inggeris.

Kepada soalan sama ada jurutera-jurutera Malaysia mendapat manfaat daripada pembelian syarikat Lotus oleh Proton, Dr Mahathir berkata ini

memang berlaku kerana sudah banyak rekabentuk yang dihasilkan oleh mereka, termasuk model terbaru Proton, Waja.

Beliau juga berkata, walaupun lebih banyak institusi pengajian tinggi diwujudkan di Malaysia, kerajaan akan terus menghantar sebilangan kecil pelajar ke luar negeri memandangkan banyak bidang yang terus berkembang.

-- BERNAMA

AR AKD